

11. Melepaskan Dendam

memukul	berdarah	rumah	ayah tirinya	melaporkan
---------	----------	-------	--------------	------------

Pada petang itu, Munir, Leong dan Silvam menunggang motosikal lalu singgah di tepi jalan yang menuju ke arah _____ Razali. Mereka menunggu kedatangan Razali. Ketika ternampak Razali, mereka terus _____ Razali sehingga Razali tersungkur dan mukanya _____. Setelah mereka meninggalkan tempat itu, Ramlah, Swee Lan dan Saridevi menunggang basikal ke situ. Setelah mengetahui perlakuan Munir, mereka ingin _____ perkara itu kepada Cikgu Zulkifli, tetapi Razali enggan berbuat demikian kerana takut kalau berita itu sampai ke pengetahuan _____.

12. Kasih Seorang Ibu

Pak Zakaria	mempertahankan	sombong	terkejut	kecewa
-------------	----------------	---------	----------	--------

Ketika Razali sampai di rumah, Mak Sopiah amat _____ melihat keadaan anaknya. Razali pun menyatakan perlakuan Munir terhadapnya. Kebetulan ayah tiri Razali, _____ telah pulang. Apabila ternampak keadaan Razali, Pak Zakaria terus menyalahkan Razali sebagai anak yang _____ dan angkuh sehingga bergaduh dengan orang lain. Mak Sopiah terus _____ anaknya. Pada petang itu, setelah makan, Razali membaca di pondok yang terletak di sawah itu. Dia _____ atas layanan ayah tirinya. Razali terus bertanya kepada ibunya siapa ayahnya yang sebenarnya. Bagaimanapun, Mak Sopiah enggan memberitahu Razali tentang ayahnya kerana tidak mahu mengingat kembali kenangan pahit itu.

13. Dendam Membawa Padah

merotan	aduan	soal siasat
---------	-------	-------------

Keesokan hari, Munir, Leong dan Silvam disuruh ke bilik pengetua kerana terdapat _____ bahawa mereka memukul Razali. Setelah di _____, Cikgu Syamsudin mengambil keputusan untuk _____ Munir, Leong dan Silvam di dalam bilik pengetua.

14. Berita Gembira

ucapan	koperasi	menghantar
--------	----------	------------

Cikgu Zulkifli mengumumkan bahawa Razali telah dipilih untuk menyertai kursus di _____ di Petaling Jaya. Ahli lembaga pengarah koperasi sekolah yang lain telah memberikan _____ tahniah kepada Razali. Pada suatu petang, Cikgu Zulkifli, Mak Sopiah, Harun, Swee Lan dan Ramlah telah tiba di stesen bas untuk _____ Razali yang akan menaiki bas ke Petaling Jaya.

15 . Budi Baik Dikenang juga.

terhutang budi	peranan	melawat	Maktab Kerjasama	memilih
----------------	---------	---------	---------------------	---------

Razali bersama-sama dengan peserta kursus seluruh koperasi sekolah Malaysia telah menghadiri kursus di _____, Petaling Jaya selama satu minggu. Penceramah itu telah menyatakan bahawa generasi muda harus menyedari _____ koperasi dan dapat menjadi pemimpin koperasi yang berjaya di negara kita. Selepas kursus, para peserta dibawa _____ ke Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia di Kuala Lumpur dan tempat-tempat di sekitar Kuala Lumpur. Razali berasa amat _____ kepada Jabatan pembangunan Koperasi Malaysia kerana _____ mereka untuk menghadiri kursus tersebut.